

Pembinaan Etos dalam Komuniti Muslim: Perspektif Antropologi dan Sosiologi

The Construction of Ethos in Muslim Communities: An Anthropological and Sociological Perspective

Mohamed, N. (Pengarang Penghubung)

Pusat Pengajian Kenegaraan dan Keusahawanan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

Tel: +6019-9313581 E-mel: shuhadamohamed@unisza.edu.my

Ghani. M. H.

Pusat Pengajian Ilmu Wahyu dan Pemikiran Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

Tel: +6019-9943875 E-mel: hafizuddinghani@unisza.edu.my

Sulaiman, R.

Pusat Pengajian Kenegaraan dan Keusahawanan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

Tel: +6014-8020488 E-mel: ruhaizan@unisza.edu.my

Noor, M. M.

Institut Pengajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM, Bangi, Malaysia

Tel: +6013-3851618 E-mel: mansormohdnoor@gmail.com

Abstrak

Perbahasan etos dan pembangunan masyarakat khususnya muslim menfokuskan kepada pentingnya etos dalam membentuk pembangunan sosial, ekonomi, dan budaya di sesebuah negara. Tujuan kertas kerja ini adalah untuk menganalisis aplikasi nilai Islam kepada pembinaan etos serta sejauh mana fungsi etos mempengaruhi proses pembangunan masyarakat dan negara. Ulasan beberapa kajian menghuraikan integrasi nilai-nilai Islam dalam kehidupan sosial, ekonomi dan politik demi memastikan identiti, perpaduan dan kestabilan masyarakat dalam menghadapi cabaran dunia moden menjadi panduan dalam pembinaan etos. Perbahasan ulasan ini merujuk kepada beberapa kajian di negara Asia Tenggara dan Timur Tengah. Perbahasan ini merujuk kepada perspektif Sosiologi iaitu teori struktur sosial yang

menekankan kepentingan budaya dan perspektif Antropologi yang merujuk kepada interaksi budaya dan agama seperti nilai dalam agama Islam. Justeru, nilai Islam ini disulam melalui interaksi budaya dan agama dalam struktur sosial untuk pembangunan kesejahteraan negara. Hasil perbahasan dalam kajian membuktikan bahawa etos yang kukuh dengan nilai Islam memainkan peranan penting dalam mempercepatkan pembangunan negara, manakala kelemahan dalam etos boleh menjadi penghalang kepada kemajuan. Penemuan ini memberikan implikasi penting kepada institusi dan pelaksana dasar dalam merangka strategi pembangunan yang lebih berfokuskan kepada pengukuhan etos yang bersulamkan nilai Islam.

Kata kunci: *Etos; Nilai Islam; Analisis struktur sosial; Antropologi; Sosiologi*

Abstract

The discourse on ethos and societal development, particularly in Muslim communities, emphasizes the significance of ethos in shaping social, economic, and cultural progress within a nation. This paper aims to analyze the application of Islamic values in constructing ethos and to assess the extent to which ethos influences societal and national development. A review of studies explores the integration of Islamic values into social, economic, and political dimensions to ensure identity, unity, and stability in addressing modern challenges. The discussion references studies from Southeast Asia and the Middle East, employing a sociological perspective that highlights the importance of social structures and an anthropological perspective focusing on cultural and religious interactions, particularly Islamic values. These values are intricately woven into social structures through cultural and religious interplay to promote national welfare. The findings demonstrate that a strong ethos rooted in Islamic values significantly accelerates national development, while weak ethos poses a barrier to progress. These results underscore critical implications for institutions and policymakers in devising development strategies that prioritize strengthening ethos infused with Islamic principles.

Keywords: *Ethos; Islamic values; Social structure analysis; Anthropology; Sociology*

Pengenalan

Etos merupakan satu konsep dalam ilmu sains sosial yang mengkaji tingkah laku asas sosial masyarakat. Etos berasal dari perkataan Greek yang membawa makna

perwatakan dan karakter (Burchard, 2005; Noor et al., 2006; Schwaninger, 2006; Speake, 1999) dan ianya sangat bernilai atau membawa makna dalam kehidupan masyarakat Greek kuno (Burchard 2005; Speake 1999). Menurut Noor et al. (2006), perkataan etos berasal daripada perkataan etika, sikap, keperibadian, watak, karakter, serta keyakinan atas sesuatu perkara. Frobish (2003) menekankan bahawa etos itu sebagai watak seseorang yang bergantung sepenuhnya kepada tindakan. Apa yang lebih utama ditekankan dalam konsep etos ialah pembentukan ingatan kolektif dan identiti kolektif yang menjadi acuan kepada pembentukan karakter. Etos boleh menjadi suatu unsur yang ideal, membentuk nilai, prinsip dan norma yang memberi panduan normatif kepada sesebuah masyarakat (Schwaninger, 2006). Ikatan etos yang kuat menjadi asas utama dalam masyarakat yang bersifat pelbagai etnik, multi-budaya dan multi-agama (Ezhar et al., 2005). Hal ini kerana etos yang kuat boleh menjadi faktor yang menyatukan masyarakat (Ezhar et al., 2005). Kebiasaan etos merujuk kepada hubungan kolektif dengan nasional dan bangsa, namun kajian ini meneliti bagaimana etos terbentuk dan dikekalkan dalam komuniti muslim.

Pendekatan antropologi merupakan bidang ilmu yang menyediakan alat analisis sosial untuk memahami budaya dan adat resam komuniti. Manakala pendekatan sosiologi membolehkan analisis hubungan struktur sosial dan ajaran agama dalam membentuk etos. Kedua-dua pendekatan ini penting untuk memahami etos dalam komuniti yang berakar umbikan tradisi Islam. Kertas kerja ini bertujuan untuk memahami peranan ajaran agama, institusi sosial dan budaya dalam membentuk etos. Sehubungan itu, kepentingan kajian ini adalah memberikan justifikasi yang lebih mendalam tentang peranan agama dalam kehidupan sosial komuniti muslim. Peranan ini seterusnya boleh membantu dalam pembangunan dasar atau program serta mengukuhkan

perpaduan hasil tindakan kolektif etos disulam nilai Islam.

Pembentukan Etos Sosial dalam Komuniti Muslim

Etos sosial merujuk kepada nilai, norma, dan amalan budaya yang membentuk tingkah laku dan interaksi sosial dalam sesuatu komuniti. Dalam konteks komuniti Muslim, etos sosial dipengaruhi secara mendalam oleh ajaran Islam yang merangkumi aspek moral, etika, dan undang-undang syariah. Pembentukan etos sosial ini bukan sahaja membentuk identiti kolektif tetapi juga memberi panduan terhadap bagaimana anggota komuniti berinteraksi antara satu sama lain dan dengan masyarakat yang lebih luas. Peranan nilai Islam pula dalam pembentukan etos seiring dengan nilai keadilan, amanah, dan persaudaraan sering menjadi asas kepada pembentukan etos sosial dalam komuniti Muslim. Nilai-nilai ini diajarkan melalui al-Quran, Hadis, dan tradisi ulama, yang semuanya memainkan peranan penting dalam membimbing tingkah laku sosial. Etos sosial dalam komuniti muslim merujuk kepada sekumpulan nilai, kepercayaan, dan norma yang mengatur interaksi sosial dan membentuk identiti kolektif komuniti tersebut. Dalam Islam, etos sosial dibina berdasarkan prinsip-prinsip utama seperti keadilan (*'adl*), kesejahteraan (*maslahah*), persaudaraan (*ukhuwah*), dan tanggungjawab (*fardh*).

Etos ini mencerminkan pandangan dunia Islam yang mengutamakan keseimbangan antara hak individu dan tanggungjawab kolektif. Mekanisme sosial dalam menerapkan etos merujuk kepada institusi sosial seperti keluarga, masjid, dan sekolah adalah saluran utama di mana etos sosial disebarluaskan dan dipertahankan. Pendidikan formal dan informal memainkan peranan penting dalam mentransmisikan nilai-nilai etos dari satu generasi ke generasi seterusnya (Noor, 2011). Namun ada

cabaran dalam pembinaan etos sosial iaitu modenisasi dan globalisasi membawa cabaran kepada pembentukan etos sosial tradisional dalam komuniti Muslim. Peningkatan pengaruh sekularisme dan perubahan sosio-ekonomi boleh mengganggu kesinambungan etos yang berasaskan nilai-nilai Islam (Esposito & Mogahed, 2007).

Komponen Utama dan Prinsip Asas Etos Sosial dalam Islam

Konsep tauhid merupakan asas utama dalam Islam yang menyatukan kepercayaan kepada satu Tuhan (Allah). Dalam pembentukan etos sosial, tauhid menekankan kesatuan dalam masyarakat Muslim, dimana semua tindakan sosial dan interaksi berpusat kepada keesaan Allah. Konsep ini membawa kepada etika sosial yang kuat seperti keadilan, kejujuran, dan Kebajikan. Undang-undang Syariah adalah sistem undang-undang yang mengawal kehidupan peribadi dan sosial umat Islam. Ia menyediakan kerangka etika dan moral yang membimbing perilaku sosial, termasuk tanggungjawab sosial, hak-hak individu, dan keadilan sosial. Dalam pembentukan etos sosial, syariah memainkan peranan penting dalam menentukan norma-norma dan amalan yang diterima dalam komuniti. Konsep ukhuwwah Islamiyyah menekankan kepentingan persaudaraan dan perpaduan dalam kalangan umat Islam. Etos sosial yang dibentuk melalui ukhuwwah merangkumi sifat tolong-menolong, kasih sayang, dan solidariti antara anggota komuniti. Ini mencipta komuniti yang rapat dan saling menyokong. Komponen utama etos pula disokong prinsip asas yang mengukuhkan pembentukan etos sosial dalam komuniti muslim. Ia menfokuskan kepada keadilan, kesejahteraan, persaudaraan dan tanggungjawab.

Keadilan adalah salah satu nilai teras dalam Islam yang membentuk etos sosial. Ia

mencakup keadilan dalam interaksi sosial, ekonomi, dan politik. Dalam konteks pembangunan komuniti, keadilan dilihat sebagai asas dalam mengagihkan sumber dan peluang secara adil di kalangan masyarakat, yang menekankan keperluan untuk menegakkan keadilan sosial (Esposito & Mogahed, 2007). Prinsip kedua pula adalah konsep kesejahteraan dalam Islam merujuk kepada usaha untuk mencapai kebaikan umum (*maslahah ammah*). Ini termasuk kebaikan yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat dan mengurangkan ketidaksamaan sosial (Haneef, 2005). Kesejahteraan juga melibatkan pemeliharaan nilai-nilai agama dan moral dalam kehidupan harian, yang mencerminkan hubungan erat antara pembangunan material dan spiritual. Prinsip asas yang ketiga merujuk kepada persaudaraan dalam Islam menekankan konsep kesatuan (*tawhid*) dan perpaduan (*ittihad*) di kalangan umat Islam. Ini bukan sahaja mencerminkan ikatan keagamaan, tetapi juga komitmen sosial terhadap kesejahteraan bersama dan solidariti komuniti. Ukhwah mempengaruhi bagaimana individu berinteraksi dan menyokong satu sama lain dalam masyarakat Muslim (Chandra, 2002). Prinsip asas yang terakhir menfokuskan kepada tanggungjawab. Dalam Islam, setiap individu mempunyai tanggungjawab sosial yang mesti dipenuhi, sama ada sebagai individu (*fardh 'ayn*) atau sebagai anggota komuniti (*fardh kifayah*). Ini termasuk tanggungjawab untuk menegakkan keadilan, membantu yang memerlukan, dan memelihara keamanan sosial. Tanggungjawab ini merupakan asas dalam pembentukan etos sosial yang memastikan keseimbangan antara hak dan tanggungjawab dalam masyarakat (Hirschkind, 2006).

Proses Pembentukan Etos Sosial dalam komuniti Muslim dibahagikan kepada pendidikan dan sosialisasi. Pendidikan

Islam memainkan peranan utama dalam proses sosialisasi, di mana individu diajar tentang nilai-nilai Islam sejak kecil. Madrasah, sekolah, dan masjid adalah institusi penting yang memupuk etos sosial dalam komuniti Muslim. Pendidikan ini bukan sahaja terhad kepada ilmu agama tetapi juga melibatkan penerapan nilai-nilai etika dalam kehidupan harian. Institusi Sosial dan Agama seperti Masjid, keluarga, dan organisasi keagamaan merupakan institusi yang membentuk etos sosial dalam komuniti Muslim. Masjid berfungsi sebagai pusat sosio-keagamaan yang memperkuuh nilai-nilai Islam melalui ceramah, khutbah, dan aktiviti sosial. Keluarga pula adalah unit asas di mana nilai-nilai Islam disemai, manakala organisasi keagamaan memperkuuh hubungan sosial dan perpaduan komuniti. Kepimpinan dalam komuniti muslim, termasuk imam, ulama, dan pemimpin masyarakat, memainkan peranan penting dalam menegakkan dan mempromosikan etos sosial yang berdasarkan ajaran Islam. Mereka bertindak sebagai teladan dan sumber rujukan dalam hal-hal sosial dan agama. Perbahasan kajian di atas membuka ruang kepada keperluan untuk menganalisis aplikasi nilai Islam kepada pembinaan etos serta sejauh mana fungsi etos mempengaruhi proses pembangunan masyarakat dan negara.

Kerangka Teori

Antropologi sebagai Interaksi Budaya dan Agama

Antropologi menawarkan pandangan yang mendalam tentang bagaimana etos sosial dalam komuniti Muslim dibentuk, disesuaikan, dan ditransformasikan oleh konteks budaya. Melalui analisis budaya, kita dapat memahami bahawa etos sosial bukanlah entiti yang statik tetapi dinamik, dipengaruhi oleh perubahan sosio-budaya dan interaksi dengan budaya lain. Malah dalam masyarakat yang semakin multi-etnik dan super kepelbagai, memahami

hubungan antara budaya dan agama menjadi signifikan untuk keharmonian masyarakat (Rani et al., 2023). Kebanyakan kajian antropologi bersifat tinjauan literatur sistematis dengan mengumpul dan menganalisis data daripada kajian budaya yang telah dijalankan (Fan et al., 2024).

Kajian oleh Asad dan Geertz memberikan pandangan penting tentang bagaimana budaya dan agama berinteraksi untuk membentuk kehidupan sosial dalam komuniti Muslim. Antropologi sebagai disiplin akademik memberikan tumpuan yang signifikan kepada konteks budaya dalam memahami etos sosial. Etos sosial merujuk kepada nilai-nilai, kepercayaan, dan norma yang membentuk tingkah laku serta identiti sesuatu komuniti. Dalam konteks komuniti Muslim, etos ini sering kali dibentuk oleh ajaran agama Islam, namun ia tidak terpisah daripada pengaruh budaya setempat dan perubahan sosio-budaya yang berlaku. Oleh itu, untuk memahami etos sosial dalam komuniti Muslim secara komprehensif, penting untuk menganalisis bagaimana budaya dan agama berinteraksi dan seterusnya membentuk amalan sosial.

Budaya adalah elemen penting yang menentukan bagaimana nilai-nilai agama, seperti yang diajarkan dalam Islam, diterjemahkan ke dalam amalan sehari-hari. Geertz (1960), seorang ahli antropologi terkemuka, menekankan bahawa budaya adalah sistem makna yang digunakan oleh manusia untuk memahami dunia mereka. Dalam konteks ini, budaya memberi bentuk kepada cara etos Islam dipraktikkan dalam kehidupan sehari-hari, mempengaruhi bagaimana prinsip-prinsip seperti keadilan ('*adl*), persaudaraan (*ukhuwah*), dan kesejahteraan (*maslahah*) diterapkan dalam komuniti Muslim. Konteks budaya juga mempengaruhi cara komuniti Muslim menyesuaikan etos sosial mereka ketika menghadapi perubahan sosio-budaya. Asad (1986) dalam kajiannya mengenai

antropologi agama, menekankan bahawa etos sosial dalam Islam bukanlah statik, tetapi berubah mengikut konteks budaya dan sejarah. Sebagai contoh, dalam komuniti Muslim di Asia Tenggara, amalan Islam disesuaikan dengan budaya tempatan yang kaya dengan elemen-elemen pra-Islamik, menghasilkan variasi dalam cara etos Islam dipraktikkan berbanding dengan komuniti Muslim di Timur Tengah.

Sosiologi sebagai Alat Analisis Hubungan Struktur Sosial dan Ajaran Agama

Perspektif sosiologi menggunakan teori sebagai alat analisis bagi sesuatu perubahan dalam masyarakat. Bidang sosiologi seiring dengan bidang antropologi yang merupakan bidang paling tua dalam sains sosial. Malah memberikan kelebihan dari sudut analisis sosial kerana dapat meramalkan fenomena sosial yang akan berlaku (Alatas, 1977; Baharuddin, 1996; Embong, 2000; Noor, 2006). Sosiologi agama merupakan satu bidang yang memberi tumpuan kepada analisis tentang bagaimana agama khususnya agama Islam berfungsi dalam membentuk dan mengarahkan kehidupan sosial komuniti muslim. Ia bukan sahaja meneliti ajaran agama Islam secara abstrak, tetapi juga bagaimana ajaran tersebut direalisasikan dalam kehidupan sehari-hari, khususnya melalui struktur sosial yang ada dalam komuniti Muslim (Hefner, 2000; Turner, 2007). Struktur sosial ini termasuklah institusi keagamaan, hirarki ulama, keluarga, dan jaringan sosial yang lebih luas, yang kesemuanya memainkan peranan penting dalam membentuk, mengekalkan, dan menyulam etos sosial yang berasaskan Islam.

Antara sarjana lain yang membincangkan peranan struktur sosial komuniti muslim dalam pembentukan etos sosial adalah Asad (1986), Hefner (2000) dan Mahmood (2005). Asad (1986) menekankan peranan institusi agama dan kuasa politik memainkan peranan yang penting dalam

menentukan bagaimana ajaran Islam difahami dan diamalkan dalam masyarakat. Beliau membuktikan bahawa struktur sosial adalah mekanisme utama untuk menyulam etos Islam kepada masyarakat melalui pengamalan agama. Manakala Hefner (2000) menunjukkan bagaimana struktur sosial komuniti Muslim di Indonesia berperanan dalam menyulamkan nilai-nilai demokrasi berteraskan prinsip Islam. Berdasarkan kajian beliau, membuktikan organisasi Islam dan jaringan sosial komuniti Muslim di Indonesia mengangkat nilai keadilan, kesaksamaan dan kebebasan mengikut prinsip Islam. Bagi Mahmood (2005) pula membuat kajian bagaimana wanita muslim di Mesir menggunakan struktur sosial yang sedia ada untuk mengekalkan dan mempraktikkan etos Islam dalam kehidupan seharian mereka. Ia boleh dibuktikan melalui pendidikan agama dan jaringan sosial yang kuat seperti ketataan dan kepatuhan ajaran agama disulam dalam kehidupan sebagai tindakan dan pilihan individu.

Turner (2007), menekankan bahawa struktur sosial memainkan peranan yang kritikal dalam membentuk dan mengekalkan etos sosial dalam komuniti Muslim. Menurut Turner, etos sosial bukanlah sesuatu yang terpisah daripada kehidupan sosial tetapi ia tertanam dalam struktur sosial yang disulam bersama nilai-nilai Islam dari satu generasi ke generasi yang lain. Peranan struktur sosial ini boleh dibahagikan kepada tiga struktur iaitu peranan i) institusi agama; ii) jaringan sosial dan komuniti; dan iii) struktur sosial dan pengaruh politik. Turner menegaskan bahawa hirarki agama, yang melibatkan institusi seperti masjid, madrasah, dan ulama, adalah pusat dalam pembentukan dan pengekalan etos sosial dalam komuniti Muslim. Ulama, sebagai pihak berautoriti dalam hal-hal agama, bukan sahaja mentafsirkan ajaran Islam tetapi juga berperanan dalam memastikan bahawa nilai-nilai Islam disesuaikan dengan

keadaan sosio-budaya yang berubah. Institusi ini membantu mengekalkan kelangsungan etos Islam melalui pendidikan, khutbah, dan fatwa yang disesuaikan dengan konteks tempatan (Turner, 2007).


Jaringan sosial pula seperti keluarga dan komuniti tempatan, juga merupakan elemen penting dalam pembentukan etos sosial. Turner menunjukkan bahawa dalam komuniti Muslim, hubungan sosial adalah berdasarkan prinsip-prinsip Islam seperti ukhuwah (persaudaraan), yang menggalakkan sokongan bersama dan pengamalan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian. Melalui interaksi sosial ini, nilai Islam seperti kejujuran, kesederhanaan, dan tanggungjawab sosial diperkuuhkan dan disebarluaskan dalam kalangan anggota masyarakat. Turner juga membincangkan bagaimana struktur sosial dalam komuniti Muslim berinteraksi dengan struktur politik yang lebih luas.

Dalam beberapa konteks, kerajaan atau pemimpin politik menggunakan Islam sebagai asas legitimasi, di mana nilai-nilai Islam dijadikan dasar dalam pembentukan undang-undang dan polisi sosial. Ini memperlihatkan bahawa struktur sosial dan politik saling berkaitan dalam pembentukan etos sosial yang berteraskan Islam (Turner, 2007). Perbahasan Nordin (2022) dalam kertas kerjanya yang bertajuk Perbandingan Pemikiran Ketatanegaraan di dalam Kitab Silatin telah menyenaraikan sifat pemimpin yang berakhlaq mulia, jujur dan adil menjadi elemen penting untuk menerajui sesebuah negara. Sifat yang disenaraikan ini merujuk kepada komponen utama nilai Islam iaitu tauhid dan ukhwah yang perlu ada dalam diri pemimpin untuk menjadi tauladan kepada masyarakat.

Kerangka konseptual dalam Rajah 1 menggambarkan interaksi antara prinsip asas Islam dan konteks sosial dalam pembentukan etos sosial dalam komuniti

Muslim. Konteks sosial ini dikenali sebagai struktur sosial yang merujuk kepada tiga kriteria di dalam rajah di bawah. Pembentukan etos sosial tidak boleh dipisahkan dari konteks sosial di mana komuniti Muslim beroperasi. Ini termasuk faktor seperti struktur sosial, ekonomi, politik, dan budaya yang mempengaruhi cara nilai-nilai Islam diterapkan dalam kehidupan seharian (Roy, 2004). Konteks sosial juga mencerminkan cabaran moden seperti globalisasi, aplikasi AI dan

sekularisme, yang mempengaruhi dinamika dalam komuniti Muslim. Etos sosial dalam komuniti Muslim dibentuk melalui interaksi dinamik antara prinsip-prinsip Islam dan konteks sosial. Sebagai contoh, prinsip keadilan ('adl) dari komponen undang-undang syariah diterapkan dalam konteks sosial tertentu melalui mekanisme pengagihan kekayaan atau kebijakan sosial yang bertujuan mengurangkan ketidaksamaan (Bayat, 2007).



Rajah 1: Kerangka konseptual interaksi agama dan struktur sosial

Interaksi ini juga boleh dilihat dalam cara komuniti Muslim menyesuaikan nilai-nilai mereka dalam menghadapi cabaran moden seperti sekularisme dan globalisasi. Kerangka konseptual ini menekankan bahawa pembentukan etos sosial juga bergantung kepada bagaimana nilai-nilai Islam diterjemahkan ke dalam amalan sosial dan institusi. Implementasi dalam amalan sosial dan institusi ini termasuk pendidikan, undang-undang, dan kebijakan awam yang menggalakkan nilai-nilai Islam dalam masyarakat. Sebagai contoh, pengenalan perbankan Islam adalah salah satu cara nilai-nilai Islam diterapkan dalam institusi ekonomi (Haneef, 2005). Manakala institusi pendidikan juga merupakan salah satu elemen penting yang boleh menyemai etos

melalui nilai Islam seperti keadilan di mana pendidikan yang diberikan bukanlah berbentuk inklusif (Ghazali & Fadzlee, 2024).

Analisis Kejayaan dan Cabaran Pembinaan Etos

Secara keseluruhannya, usaha untuk membawa nilai-nilai Islam dalam pembangunan sosial dan ekonomi telah menghasilkan kejayaan yang ketara dalam memperkuuh identiti sosial, meningkatkan etika dalam perniagaan, dan mengurangkan kemiskinan. Namun, kejayaan ini tidak universal dan masih menghadapi pelbagai cabaran seperti globalisasi, sekularisme, dan isu-isu politik dalaman. Kejayaan

sebenar usaha ini bergantung kepada kemampuan negara tersebut untuk mengimbangi antara pemodenan dan pemeliharaan nilai-nilai tradisional, serta keupayaan untuk menangani cabaran sosio-ekonomi yang kompleks dalam konteks dunia global yang berubah dengan pantas.

Usaha membawa nilai-nilai Islam ke dalam pembangunan sosial dan ekonomi di beberapa negara Muslim telah menunjukkan kejayaan dalam beberapa aspek, tetapi juga menghadapi cabaran yang kompleks seperti yang di dalam Jadual 1.

Jadual 1: Analisis nilai Islam dalam pembangunan sosial dan ekonomi

| Elemen | Aspek | Huraian |
|----------|---|---|
| Kejayaan | <i>Peningkatan Identiti dan Kohesi Sosial</i> | Negara seperti Malaysia, konsep Islam Hadhari dan Wawasan 2020 telah berjaya mengintegrasikan nilai-nilai Islam dalam pembangunan negara, yang membantu memperkuuh identiti dan kohesiv sosial dalam kalangan masyarakat berbilang kaum. Ini telah mencipta masyarakat yang lebih bertoleransi dan harmonis, di mana nilai-nilai Islam memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian. Brunei pula dengan konsep Melayu Islam Beraja (MIB), berjaya mengekalkan identiti Islam sebagai elemen penting dalam pembangunan negara, yang menyumbang kepada kestabilan sosial dan politik yang luar biasa di negara tersebut. |
| | <i>Pengurangan Kemiskinan dan Pembangunan Sosio-Ekonomi</i> | Program Desa Madani di Indonesia telah menyumbang kepada peningkatan taraf hidup di kawasan luar bandar dengan mengintegrasikan nilai-nilai Islam seperti keadilan sosial dan solidariti ke dalam strategi pembangunan. Usaha ini membantu mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup melalui pendekatan pembangunan yang berpusat pada komuniti. Saudi Vision 2030 di Arab Saudi menunjukkan kejayaan dalam merangka strategi pembangunan ekonomi yang berlandaskan prinsip-prinsip Islam, sambil meningkatkan peluang pekerjaan, pendidikan, dan kesejahteraan sosial, walaupun negara tersebut menghadapi cabaran besar dalam mengimbangi antara pemodenan dan pemeliharaan nilai-nilai Islam. |
| | <i>Pemantapan Etika dan Tadbir Urus</i> | Qatar National Vision 2030 telah menekankan etika Islam dalam tadbir urus dan pembangunan ekonomi, yang menghasilkan persekitaran perniagaan yang lebih adil dan beretika. Ini termasuk usaha untuk mematuhi prinsip-prinsip Islam dalam urus niaga kewangan, seperti mempromosikan perbankan Islam dan menolak riba (faedah). |
| Cabaran | <i>Pertembungan dengan Globalisasi dan Sekularisme</i> | Banyak negara berusaha membawa nilai-nilai Islam ke dalam pembangunan sosial dan ekonomi akan berhadapan dengan tekanan globalisasi dan sekularisme. Sebagai contoh, Turki menghadapi cabaran dalam mengekalkan etos Islam di tengah-tengah kebijakan sekular dan arus global yang cenderung untuk memisahkan agama daripada kehidupan awam. Perubahan politik dan sosial yang pesat turut menimbulkan ketegangan antara nilai-nilai tradisional dan modenisasi. |
| | <i>Isu Pematuhan dan Penguatkuasaan</i> | Dalam beberapa kes, keberhasilan usaha ini dibatasi oleh kelemahan dalam penguatkuasaan nilai-nilai Islam dalam pembangunan. Sebagai contoh, walaupun Iran mempunyai dasar yang kuat berasaskan prinsip-prinsip Islam, pelaksanaannya sering kali terjejas oleh cabaran ekonomi, tekanan antarabangsa, dan masalah birokrasi, yang menyebabkan jurang antara idealisme dan realiti. |

| | | | |
|--|-----------------------------------|----------------|--|
| | Kritikan Penggunaan dalam Politik | Terhadap Agama | Usaha untuk mengintegrasikan nilai-nilai Islam dalam pembangunan sosial dan ekonomi juga menghadapi kritikan, terutamanya apabila agama digunakan sebagai alat politik. Di Arab Saudi dan Iran, penggunaan Islam dalam justifikasi dasar-dasar kerajaan kadangkala menimbulkan kontroversi dan kritikan, baik di peringkat domestik maupun antarabangsa. |
| | Ketidakseimbangan Pembangunan | | Di sesetengah negara, seperti Malaysia dan Indonesia, walaupun terdapat kejayaan dalam menggunakan nilai-nilai Islam untuk pembangunan, masih terdapat ketidakseimbangan pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar. Ini menunjukkan bahawa, walaupun nilai-nilai Islam diaplikasikan, faktor-faktor lain seperti ekonomi dan geografi masih memainkan peranan penting dalam menentukan keberhasilan pembangunan. |

Kesimpulan

Pembentukan etos sosial dalam komuniti Muslim adalah proses dinamik yang melibatkan integrasi nilai-nilai Islam seperti keadilan, persaudaraan, dan tanggungjawab sosial ke dalam struktur sosial dan konteks budaya. Analisis literatur sistematik berjaya mencapai objektif dengan menunjukkan peranan kritikal nilai-nilai Islam dalam membentuk identiti, perpaduan, dan pembangunan sosial, ekonomi, serta politik masyarakat. Ini melibatkan pemahaman yang mendalam tentang bagaimana nilai-nilai ini diterapkan dalam konteks moden, serta bagaimana ia membentuk identiti, norma, dan amalan sosial dalam komuniti tersebut. Pembentukan etos sosial yang kuat berdasarkan ajaran Islam memastikan kesinambungan komuniti Muslim. Nilai-nilai seperti keadilan, kebajikan, dan tanggungjawab sosial membantu dalam membina masyarakat yang stabil dan sejahtera. Etos sosial yang dibentuk dalam komuniti Muslim bukan sahaja mempengaruhi interaksi dalam tetapi juga hubungan dengan masyarakat lebih luas. Pengamalan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian mencerminkan identiti Muslim yang kukuh dan mempromosikan persefahaman antara komuniti berbeza. Penemuan ini memberikan implikasi penting kepada institusi akademik dan pembuat dasar dalam merangka strategi pembangunan berteraskan nilai Islam untuk kesejahteraan negara. Penyelidikan masa

depan disarankan untuk meneliti cabaran global seperti digitalisasi serta perbandingan antara komuniti Muslim di pelbagai konteks, dengan pendekatan interdisiplin untuk memahami transformasi etos dalam era moden.

Rujukan

- Alatas, S. H. (1977). *The myth of the lazy native*. London: Frank Cass.
- Asad, T. (1986). *The idea of an Anthropology of Islam*. Occasional Papers Series. Center for Contemporary Arab Studies, Georgetown University.
- Bayat, A. (2007). *Islamism and the politics of fun*. Public Culture, 19(3): 433-459.
- Baharuddin, S. A. (1996). *Debating Malay identity: Past and present*. Southeast Asian Studies, 34(3): 476-499.
- Barbara, D. M. (1982). *Islamic revival in British India: Deoband, 1860–1900*. California: Princeton University Press.
- Bayat, A. (2007). *Islamism and the politics of fun*. Public Culture, 19(3): 433-459.
- Beatty, A. (1999). *Varieties of Javanese religion: An Anthropological account*. Cambridge: University Press.

Burchard, D. J. H. (2005). Ethos, ethics and endeavors: New horizons in family nursing. *Journal of Family Nursing*, 1(4): 354-370.

Chandra, M. (2002). Globalisation and religion: The case of Islam. *Third World Quarterly*, 23(6): 245-1260.

Embong, A. R. (2000). Globalization and national identity: Managing ethnicity and cultural pluralism in Malaysia. *Akademika*, 56: 1-17.

Ernest, G. (1981). Muslim society. *Journal Middle Eastern Studies*, 20(1): 100-104.

Esposito, J. L. dan Mogahed, D. (2007). Who speaks for Islam? What a billion Muslims really think. Washington: Gallup Press.

Ezhar, T., Yee, W., Idris, F., Hamzah, A., Mohamed, Z. A., Luan, W. S. and Noor, M. M. (2005). The relationship of exposure to news media with attachment to the national ethos. *Pertanika Journal Social Sciences & Humanities*, 13(2): 187-198.

Fan, Y. dan Silahudin, S. (2024). A review of cultural anthropology studies on the Malay community in Kelantan. *The Journal of Malay World*, 7(1): 37-50.

Frobish, T. S. (2003). An origin of a theory: A comparison of ethos in the Homeric Iliad with that found in Aristotle's rhetoric. *Rhetoric Review*, 22(1): 16-30.

Geertz, C. (1960). The religion of Java. Chicago: University of Chicago Press.

Ghazali, A. dan Fadzlee, F. S. (2024). Restorative quality assessment of academic- An Islamic motivation for circular nation building. *Global Journal Al-Thaqafah*, 14(1): 1-18.

Haneef, M. A. (2005). Can there be an Islamic economics? *Journal of King*

Abdulaziz University: *Islamic Economics*, 18(2) :3-16.

Hefner, R. W. (2000). Civil Islam: Muslims and democratization in Indonesia. Princeton: Princeton University Press.

Hirschkind, C. (2006). The ethical soundscape: Cassette sermons and Islamic counter publics. Columbia: Columbia University Press.

Nordin, S. R. A. (2022). Perbandingan pemikiran ketatanegaraan di dalam Kitab Salatin. *Global Journal Al-Thaqafah*, 12(2): 119-134.

Noor, M. M. (2006). Social cohesion and nation building in a plural society: The case of Malaysia. *Jurnal Sosiologi Indonesia*, 1(1): 45-64.

Noor, M. M., Abdul Aziz, A.R. and Iskandar Lee, M. A. (2006). Hubungan etnik di Malaysia. Petaling Jaya: Prentice Hall.

Noor, N. M. (2011). Muslim women and the challenge of Islamic fundamentalism/extremism: An overview of Southeast Asian Muslim women's struggle for human rights and gender equality. *Women's Studies International Forum*, 29(4): 339-353.

Rani, N., Agil, M. F. dan Sakka, A. (2023). The interaction of culture and religion: Understanding impact and contribution to society. *Journal of Religious Study and Indonesian Multiculturalism*, 2(1): 13-22.

Roy, O. (2004). Globalized Islam: The search for a new Ummah. Columbia: Columbia University Press.

Saba, M. (2005). Politics of Piety: The Islamic Revival and the Feminist Subject. Princeton: Princeton University Press.

Said, E. W. (1978). *Orientalisme*. London: Penguin Classics.

Saldana, J. (2013). *The Coding manual for qualitative researchers*. 2nd edition. California: SAGE Publications Ltd.

Schwaninger, M. (2006). *Intelligent organizations powerful models for systemic management*. Berlin: Springer.

Speake, J. (1999). *The Oxford essential dictionary of foreign terms in English*. Berkley: Oxford University Press.

Turner, B. S. (2007). *Islam: Sociology of religion*. Cambridge: University Press.

Woodward, M. R. (1989). *Islam in Java: Normative piety and mysticism in the Sultanate of Yogyakarta*. Michigan: Association for Asian Studies Monograph Series.